



KENYATAAN AKHBAR

SIARAN SEGERA

Ekovest anjur Majlis Pembukaan Tun Razak Link di Lebuhraya Duta – Ulu Kelang (DUKE) Fasa 2

KUALA LUMPUR, 28 SEPTEMBER 2017 – Ekovest Berhad (“Ekovest” atau “Syarikat”), syarikat yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia terbabit dalam **pembinaan, pembangunan hartanah dan infrastruktur konsesi**, telah mengadakan **majlis pembukaan bagi Tun Razak Link (“TRL”)**, sebuah laluan alternatif di bawah Lebuhraya Duta – Ulu Kelang (DUKE) fasa 2. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh **Menteri Kerja Raya, YB Dato’ Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof**.

TRL merupakan laluan penyuraian tambahan antara DUKE dan MRR1, menyediakan hubungan perjalanan yang lancar ke Jalan Gombak, Jalan Genting Klang dan Bandar Baru Sentul dan ia juga merupakan pilihan alternatif daripada kesesakan di Jalan Tun Razak. Laluan ini menyediakan alternatif kepada kenderaan dari alan Semarak ke Jalan Pahang dan Jalan Tun Razak dari DUKE. Dengan jumlah jarak 9km, TRL dijangkakan dapat membantu menyelesaikan dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Jalan Tun Razak, bulatan Jalan Pahang dan pertukaran Jalan Duta. TRL di Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE) fasa akan dibuka sepenuhnya kepada pengguna bermula 5.00 p.m. pada 28 September 2017.

Bercakap selepas majlis tersebut, **Pengarah Urusan Ekovest Berhad Tan Sri Datuk Seri Lim Keng Cheng** berkata: “Kami percaya bahawa setelah siapnya TRL, ia pastinya akan memberi seribu kebaikan kepada penduduk bandar yang tinggal di pinggir bandar dan bekerja di tengah bandar, sementara menaik taraf kemudahan infrastruktur bagi kemudahan rakyat Malaysia. Ia adalah seiring dengan inisiatif kerajaan untuk menyediakan infrastruktur berkelas dunia bagi penduduk Kuala Lumpur. Bukan sahaja ia dapat membantu menyuraikan trafik, tetapi ia juga menyediakan rangkaian ke kawasan baharu dengan lebuhraya sedia ada.”

“Pada 23 Mei 2017, jajaran pertama TRL telah dibuka kepada pengguna sebagai sebahagian daripada skim pelan pengurusan trafik di Jalan Tun Razak dan Jalan Pahang bagi membantu melencongkan trafik pada bulan Ramadan. Kami menjangkakan kedua-dua jajaran akan siap

menjelang akhir tahun ini. Saya gembira bahawa projek TRL telah menjalani progres yang baik ke arah realisasi di dalam tempoh yang dijanjikan.”

Lebuhraya Duta – Ulu Kelang (DUKE) fasa 2 meliputi 2 laluan iaitu Laluan Sri Damansara (“SDL”) and TRL. TRL bermula di Jalan Tun Razak berdekatan Hospital KL/IJN dan melintasi ke utara melalui Jalan Pahang dan Jalan 9/48A untuk menghubungkan Jalan Gombak sedia ada selepas menyeberangi DUKE 1 sedia ada di pertukaran Sentul Pasar.

Issued by: Sense Consultancy on behalf of **Ekovest Berhad**
Date: 28th September 2017

For further media enquiries please contact:

En. Ahmad Nasir Bin Mohd Said
Tel: +6019 329 8923
Email: nasir@ekovest.com.my

En. Afiq Zaim Zaini
Tel: +6012 209 2858
Email: afiqzaimzaini.duke@gmail.com

Jason Fong
Tel: +6012 952 0015
Email: jason@leesense.com

Anthony Lee
Tel: +6012 338 3705
Email: anthony@leesense.com

Forward-Looking Statements

The statement included in this press release, other than statements of historical facts, are forward-looking statements. Forward-looking statement generally can be identified by the use of forward-looking terminology such as “may,” “will,” “expect,” “intend,” “estimate,” “anticipate,” “plan,” “seek,” or “believe.” These forward-looking statements, which are subject to risks, uncertainties, and assumptions, may include projections of our future financial performance based on our growth strategies and anticipated trends in our business. These statements are only predictions based on our current expectations about future event. There are important factors that could cause our actual results, level of activity, performance, or achievements to differ materially from the results, level of activity, performance or achievements expressed or implied by the forward-looking statement, including, but not limited to our ability to win additional business. Although we believe the expectations reflected in the forward- looking statements are reasonable, we cannot guarantee future result, level of activity, performance, or achievements. You should not rely upon forward- looking statements as predictions of future events. These forward-looking statements apply only as of the date of this press release; as such, they should not be unduly relied upon as circumstances change. Except as required by law, we are not obligated, and we undertake no obligation, to release publicly any revisions to these forward-looking statements that might reflect events or circumstances occurring after the date of this release or those that might reflect the occurrence of unanticipated events.